



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof melancarkan Perkhidmatan Rataie Exchange FTTH (atas), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib menyaksikan lebih dekat peralatan yang digunakan untuk pemasangan FTTH. Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

**TEMBURONG**, Rabu, 6 Mac. - Lebih 600 penduduk di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie bakal mendapat faedah jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) setelah Telekom Brunei Berhad (TelBru) melengkapkan secara keseluruhan infrastruktur bagi mendapatkan gentian optik di kawasan tersebut. Menjelang akhir bulan Mac ini, sambungan internet ke rumah-rumah kawasan paling banyak penduduk itu akan setanding dengan kawasan bandar, di mana ribuan pelanggan boleh mengakses

# Daerah Temburong bakal nikmati FTTH



Siaran Akhbar dan Foto : Telekom Brunei Berhad

internet dengan kelajuan sehingga 300mbps, dengan kelajuan minimum yang ditawarkan sekurang-kurangnya 10mbps.

Sehubungan itu, memperingati peristiwa penting dalam sejarah landskap ICT Daerah Temburong tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof melancarkan Perkhidmatan Rataie Exchange FTTH yang menghubungkan gentian optik dengan penduduk di kawasan tersebut kelmarin.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

Sebagai sebahagian daripada lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan rombongan

meninjau beberapa tapak untuk memeriksa infrastruktur gentian optik yang baru dipasang sambil mengunjungi rumah penduduk RPN Kampung Rataie yang telah mendapat sambungan lebih awal.

Pelancaran tersebut merupakan sebahagian daripada projek TelBru di seluruh negara yang bertujuan untuk menghubungkan ribuan penduduk di negara ini dengan HSBB bagi mempermudah Wawasan 2035 yang memerlukan infrastruktur ICT yang kukuh bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerjaan tradisional.

Menurut Ketua Lembaga Pengarah TelBru, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman berkata, pemasangan tersebut adalah fasa kedua pemasangan selepas kluster pertama di Pekan Bangar pada

Ogos tahun lepas.

Jelasnya lagi, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab syarikat ke arah pembangunan negara, syarikat tersebut akan terus melancarkan hubungan gentian optik dalam beberapa bulan akan datang di beberapa kawasan perumahan dan perindustrian di Daerah Brunei dan Muara dan Belait, di samping meneroka teknologi alternatif untuk kawasan-kawasan geografi yang mencabar.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk, perkhidmatan, kawasan ketersediaan dan bantuan FTTH, pengunjung bolehlah menghubungi talian Khidmat Pelanggan TelBru menerusi talian 111, atau berhubung melalui mana-mana platform media sosial syarikat.

## Tiga syarikat tempatan sertai Diplomatic Red Cross Bazaar



TIGA syarikat tempatan dari Negara Brunei Darussalam menyertai 'The 52nd Diplomatic Red Cross Bazaar 2019' yang berlangsung pada 2 hingga 3 Mac 2019 di Siam, Paragon, Bangkok, Thailand.

Berita dan Foto : Ihsan Wira Group Companies

**BANGKOK, THAILAND**, Rabu, 6 Mac. - Tiga syarikat tempatan dari Negara Brunei Darussalam telah menyertai 'The 52nd Diplomatic Red Cross Bazaar 2019' yang berlangsung pada 2 hingga 3 Mac 2019 di Siam, Paragon, Bangkok, Thailand.

Bazar tersebut adalah acara dana amal yang dianjurkan oleh Thai Red Cross Society dengan kerjasama jawatankuasa peserta diplomatik.

Perasmian acara tersebut disempurnakan oleh Her Royal Highness Princess Maha Chakri Sirindhorn.

Syarikat-syarikat yang mewakili dari Negara Brunei Darussalam itu terdiri daripada belia tempatan, iaitu Pengarah Urusan Eksekutif Seri Pekatan Sdn. Bhd., Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti

Haji Mohd. Salleh; Syarikat Maduku.Bn diwakili Dayangku Normaskuin binti Pengiran Duraman dan Awang Hairul Aziz bin Awang Mazni; dan Dayang Hasliza binti Awang Haji Hashim dan Wardatul Zahrah Abd. Razak dari Go Jagus Brunei.

Pada bazar tersebut, para belia juga berpeluang mempelajari permintaan pasaran pelanggan dan pemahaman yang lebih baik tentang produk masing-masing, di samping mempromosikan Produk Tempatan Brunei.

Para belia menyertai bazar tersebut dengan menggunakan dana sendiri, dengan kerjasama daripada Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Thailand.

Dengan itu mereka berpeluang mempelajari lebih lanjut dan memperluaskan pasaran mereka di peringkat antarabangsa.

## Lawatan Kerja Perpustakaan UNISSA Ke PenBorneo

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Perpustakaan telah mengadakan Lawatan Kerja ke Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo), Pusat Sejarah.

Rombongan seramai 11 pegawai dan kakitangan Perpustakaan UNISSA tersebut diketuai oleh Ketua Perpustakaan UNISSA, Dayang Norhasinah binti Haji Maksin.

Lawatan Kerja ini merupakan kali pertama diadakan dan juga merupakan lawatan balas, di mana sebelum ini Perpustakaan UNISSA menerima lawatan daripada pihak PenBorneo pada 15 Disember 2016.

Pada sesi lawatan tersebut, rombongan pelawat mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Sejarah Tingkat II, Pengiran Ibnu bin Pengiran Haji Zulaihi juga didedahkan dengan tunjuk cara asas pemeliharaan dan pemuliharaan dokumen, menjilid dan mentransliterasi manuskrip.

Antara objektif lawatan adalah untuk memberi pendedahan dan meluaskan ilmu pengetahuan



ROMBONGAN pegawai dan kakitangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Bahagian Perpustakaan semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo), Pusat Sejarah.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

bagi pegawai dan kakitangan perpustakaan mengenai hal ehwal kepustakawanan, selain untuk membuka minda serta mencetuskan idea bagi penambahbaikan perpustakaan sambil mengaplikasikan ilmu

yang diperoleh mengikut tugas masing-masing.

Lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati Ketua Rombongan kepada pihak Pusat Sejarah, Awang Muhammad Hefni bin Mahari.